

UMP dan Iwate University Perhebat Kerjasama Dalam Bidang Kejuruteraan



Morioka (Jepun), 24 Februari- Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan Iwate University (IU) Jepun jalin kerjasama strategik dalam memperhebat bidang kejuruteraan untuk tempoh lima tahun lagi apabila hubungan yang terjalin selama ini berjaya memanfaatkan kedua-dua institusi menerusi perkongsian penyelidikan, lawatan kilang, program pengajaran dan pembelajaran serta pertukaran budaya membabitkan pelajar dan pensyarah.

Hubungan baik yang terjalin lebih lima tahun lalu bukan sahaja memberi peluang kepada dua ahli akademik dari IU mengadakan bengkel kepada pelajar-pelajar program kejuruteraan pembuatan di Fakulti Kejuruteraan Pembuatan universiti ini malah pelajar UMP dapat menyertai program bersama dengan pelajar dari Hanbat University, Korea dan Dalian University, China juga IU di UI, Morioka, Jepun.



Pemetaian memorandum persefahaman (MoU) ditandatangani oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Profesor Dr. Mashitah Mohd Yusoff mewakili UMP dan Dekan Fakulti Kejuruteraan, Profesor Dr Kenichi Funazaki mewakili IU. Hadir sama Timbalan Dekan Akademik, Fakulti Kejuruteraan Pembuatan, Profesor Madya Dr. Ahmad Razlan Yusoff dan mewakili Institute Mold and Die, Professor Dr. Koichi Hirose, Timbalan Presiden IU Professor Dr Satoshi Ogawa dan Pembantu Professor Dr. Uchidate Michimasi daripada IU.

Bagi Profesor Dr. Mashitah, melalui kerjasama ini hubungan bilateral ini berjaya meninjau prospek kolaborasi dalam bidang-bidang kejuruteraan khususnya dalam bidang Mold and Die yang berpotensi untuk dimanfaatkan kedua-dua institusi ini.

Malah melalui kunjungan beliau pada kali ini memberikannya peluang menyampaikan syarahan bertajuk 'Constructing Polymer', manakala Dr Razlan menyampaikan syarahan bertajuk 'Monitoring deep drilling process" kepada kalangan pensyarah dan pelajar di Jabatan Kejuruteraan Mekanikal di universiti berkenaan di Jepun.



"Dalam konteks yang lebih luas pula, pemetaian MoU ini turut memberikan nilai tambah kepada pelaksanaan Pelan Strategik UMP 2016-2020 terutamanya dalam memberi tumpuan kepada pemerkasaan jaringan kolaborasi strategik UMP di peringkat nasional dan antarabangsa," kata Prof. Dr. Mashitah baru-baru ini.

Beliau mengharapkan MoU yang ditandatangani ini akan memudahkan cara penerokaan pelbagai bidang kerjasama. Walaupun MoU ini menggariskan tiga aspek umum iaitu kerjasama akademik, penyelidikan, pertukaran pelajar dan staf serta pembangunan penyelidikan.

Namun ianya tidak akan membataskan perimeter kolaborasi di antara UMP-IU sahaja, sebaliknya berpotensi untuk dikembangkan lagi terutamanya dalam aspek pengurusan bencana yang mana UI mempunyai pusat penyelidikan khusus.

Selain itu, kelebihan dan kepakaran yang dimiliki oleh kedua-dua institusi ini berupaya digembung dan digabung jalin untuk menatihahkan inisiatif-inisiatif bernilai tambah tinggi bukan sahaja kepada warga UMP dan IU, tetapi negara amnya.

Berita disediakan Zuryaty Zol dari Fakulti Kejuruteraan Pembuatan dan suntingan Bahagian Komunikasi Korporat PNC.

